



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN AUDIT NEGARA**

**KEPENGKERUSIAN MALAYSIA DALAM  
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT ASEAN KE-50  
(ASEAN AUDIT COMMITTEE – AAC)**

**UNTUK SIARAN SEGERA  
13 JUN 2025**

**JAKARTA, 13 Jun 2025** – Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Audit ASEAN ke-50 yang berlangsung hari ini di Jakarta, Indonesia. Mesyuarat ini menghimpunkan wakil daripada 10 Negara Anggota ASEAN dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Audit ASEAN.

Mesyuarat ini diadakan selepas Persidangan Juruaudit ASEAN yang julung kali diadakan pada 27 dan 28 Mei 2025 di Putrajaya. Persidangan tersebut telah dihadiri oleh YAB Perdana Menteri dan turut melibatkan Setiausaha Agung ASEAN.

Mesyuarat AAC diadakan untuk meneliti, membuat susulan dan mencadangkan penambahbaikan berkaitan penyata kewangan beraudit, penilaian operasi, sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Sekretariat ASEAN. Selain itu, mesyuarat ini juga membincangkan Rancangan Audit Tahunan dan Laporan Audit Dalam berkaitan operasi Sekretariat ASEAN bagi memastikan tindakan penambahbaikan diambil secara berterusan agar keberkesanan kawalan dalaman dan tahap kecekapan operasinya dapat dipertingkatkan.

Sebagai Pengerusi Mesyuarat, Malaysia komited untuk memainkan peranan aktif dalam menegakkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan integriti bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh dan memacu daya tahan ASEAN, selaras dengan tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 'Keterangkuman dan Kemampanan'. Dengan

kerjasama erat daripada semua Negara Anggota ASEAN, mesyuarat ini diharapkan dapat memperkukuh tatakelola pengurusan kewangan Sekretariat ASEAN.

Hasil Mesyuarat AAC ini seterusnya akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Wakil-Wakil Tetap ke ASEAN.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jabatan Audit Negara**





**PRESS RELEASE  
PRIME MINISTER DEPARTMENT  
NATIONAL AUDIT DEPARTMENT MALAYSIA**

**MALAYSIA CHAIRMANSHIP OF THE 50TH ASEAN AUDIT  
COMMITTEE (AAC) MEETING**

**FOR IMMEDIATE RELEASE  
13 JUNE 2025**

**JAKARTA, 13 June 2025** – Malaysia is chairing the 50th ASEAN Audit Committee Meeting. The meeting, which brings together representatives from the 10 ASEAN Member States, takes place today, in Jakarta, Indonesia. The meeting is chaired by YBhg. Dato' Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Auditor General of Malaysia in her capacity as Chair of the ASEAN Audit Committee.

This meeting follows the inaugural ASEAN Auditor Conference 2025, which was held from 27 to 28 May 2025 in Putrajaya. The conference was attended by the Prime Minister of Malaysia, who officially closed the event and featured the participation of the Secretary-General of ASEAN as the keynote speaker.

During the AAC meeting, the audited financial statements, operational assessments, risk management systems, and internal controls of the ASEAN Secretariat are reviewed, followed up on and evaluated for potential improvement. Additionally, the meeting reviews the Annual Audit Plan and the Internal Audit Report related to the operations of the ASEAN Secretariat, ensuring continuous improvements are made to enhance the effectiveness of internal controls and operational efficiency.

As Chair of the Meeting, Malaysia is fully committed to playing an active and leading role in upholding the principles of transparency, accountability and integrity. These efforts aim to strengthen stakeholder trust and bolster ASEAN's resilience, in alignment with the theme of Malaysia's ASEAN Chairmanship 2025, 'Inclusivity and Sustainability.' With the collaborative support of all ASEAN Member States, this meeting is set to play a pivotal role in enhancing the governance of financial management within the ASEAN Secretariat.

The outcome of AAC Meeting will be presented to the Committee of Permanent Representatives to ASEAN (CPR).

**Issued by:**

**National Audit Department Malaysia**

